



CUKAI JUALAN NEGERI

KE ATAS BESI BURUK DAN BUANGAN
YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

DIKEMAS KINI PADA 29 MEI 2023
KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH

ISI KANDUNGAN

No.	Kandungan	Muka Surat
1.	Pendahuluan	
2.	Panduan Cukai Jualan Negeri ke atas Besi Buruk dan Buangan yang Dibawa Keluar dari Sabah	1
3.	Lampiran 1 <ul style="list-style-type: none">Borang 1 – Permohonan untuk Mendapatkan Lesen Sebagai Orang yang Kena Membayar Cukai	4
4.	Lampiran 2 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran – Permohonan & Pengeluaran Lesen Cukai Jualan Negeri	7
5.	Lampiran 3 <ul style="list-style-type: none">Senarai Semak – Dokumen Sokongan Permohonan Lesen Cukai Jualan Negeri	9
6.	Lampiran 4 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran – Pembayaran Cukai Jualan Negeri (Pengisytiharan Eksport Dibuat Melalui Borang Kastam K2 Luar Negara) – Besi Buruk dan Buangan	11
7.	Lampiran 5 <ul style="list-style-type: none">Carta Aliran – Pembayaran Cukai Jualan Negeri (Perakuan untuk Mengangkut Barang dalam Malaysia Melalui Borang Kastam K3 Dalam Negara) – Besi Buruk dan Buangan	13
8.	Lampiran 6 <ul style="list-style-type: none">Borang 4 – Penyata Cukai Jualan Negeri	15
9.	Lampiran 7 <ul style="list-style-type: none">Lampiran A – Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan Secara Terus (<i>Direct Bank-In</i>) ke dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah	17
10.	Lampiran 8 <ul style="list-style-type: none">Soalan Lazim (FAQ)	19
11.	Warta Kerajaan Negeri Berkaitan Cukai Jualan Negeri ke atas Besi Buruk dan Buangan yang Dibawa Keluar dari Sabah	25

PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS BESI BURUK DAN BUANGAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

PENDAHULUAN

Merujuk kepada Perkara 95B (3) dan Jadual 10, Bahagian V dalam Perlembagaan Persekutuan, pengenaan Cukai Jualan Negeri (CJN) adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah mewartakan Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

Seiring dengan pengenalan Enakmen tersebut, maka Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 juga telah diwartakan bertujuan antara lainnya menetapkan peranan dan tanggungjawab Pengarah Cukai Jualan Negeri sebagai pegawai yang menguruskan semua perkara-perkara berhubung dengan Cukai Jualan Negeri tertakluk kepada arahan dan pengawalan Menteri Kewangan.

Pengarah Cukai Jualan Negeri adalah Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Negeri Sabah yang dibantu oleh Bahagian Cukai Jualan Negeri selaku pelaksana, pemantau dan penguat kuasa hal-hal berkaitan Cukai Jualan Negeri (CJN).

Pada 27 Januari 2022, Kerajaan Negeri telah mewartakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022 bagi mengenakan CJN ke atas besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah. Pelaksanaan Perintah ini adalah berkuat kuasa pada 1 Februari 2022.

Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui pewartaan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023 telah meminda kadar CJN ke atas besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah berkuat kuasa pada 1 Jun 2023. Sehubungan dengan itu, Panduan CJN ini yang turut mengandungi soalan-soalan lazim (FAQ) dikeluarkan sebagai rujukan kepada orang yang kena membayar cukai berkenaan pelaksanaan perintah tersebut.

**PANDUAN CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS
BESI BURUK DAN BUANGAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

1. **Barang-barang yang Kena Dibayar Cukai, Kadar Cukai dan Tarikh Kuat Kuasa**
Seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai)(Pindaan) 2023:

Barang	Kadar Cukai Jualan Negeri	Tarikh Kuat Kuasa
Besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah	RM200 se tan metrik*	1 Februari 2022
	10% ke atas nilai jualan*	1 Jun 2023

Nota: * *seperti yang diisytihar dalam Borang Kastam K2 atau K3*

2. **Senarai Jenis-jenis Besi Buruk dan Buangan yang Dikenakan Cukai**
Berikut adalah senarai jenis-jenis besi buruk dan buangan yang dikenakan CJN di bawah HS Code Jabatan Kastam Diraja Malaysia:

No.	HS Code	Jenis-jenis Besi Buruk
1.	72041	Besi buruk dan buangan termasuk besi lebur semula jenis ferus (<i>ferrous</i>) yang terdiri daripada besi atau besi keluli.
1.1	7204100000	Besi buruk dan buangan jenis besi tuang iaitu periuk besi, kualiti besi dan semua produk besi buangan yang diperbuat daripada besi tuang.
1.2	7204210000	Besi buruk jenis besi keluli.
1.3	7204290000	Jenis-jenis besi buruk dan buangan lain yang tertakluk di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.4	7204300000	Besi buruk dan buangan jenis besi atau besi keluli dalam bentuk tin atau kontena, misalnya tin ikan sardin.
1.5	7204410000	Besi buruk dan buangan jenis besi yang sudah dibengkokkan, besi yang diketam, serpihan, sisa perkilangan, habuk besi, besi tampalan, besi pemangkas & besi setem (<i>metal stamp</i>), sama ada berkelompok atau tidak.
1.6	7204490000	Lain-lain besi buruk dan buangan di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.7	7204500000	Besi buruk dilebur semula menjadi bentuk jongkong besi.

3. **Tarikh Kuat Kuasa**
Cukai ini mula dikenakan pada 1 Februari 2022.

4. **Orang yang Kena Membayar Cukai**

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kena membayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

5. **Tafsiran "Jualan"**

Seperti yang ditafsirkan di bawah Seksyen 2 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, "jualan" termasuklah barter; dan termasuklah juga pelupusan barang-barang dengan hak untuk membeli atau atas terma-terma yang diperuntukkan bahawa penjual memegang kepentingan dalam barang-barang tersebut, pemindahan dalaman barang-barang dalam entiti yang sama bagi maksud memproses barang-barang tersebut kepada bentuk yang lain, dan penghantaran barang-barang itu di bawah apa-apa syarat seperti pembayaran kemudian, sama ada atau tidak urus niaga berlaku di dalam atau di luar negeri; dan "untuk menjual" mempunyai erti yang sama.

6. **Pendaftaran Lesen Cukai Jualan Negeri**

- (i) Orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen melalui **Borang 1 (rujuk: Lampiran 1)** sebagai orang yang kena membayar cukai kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri.
- (ii) Permohonan pendaftaran lesen Cukai Jualan Negeri dibuat secara dalam talian melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Pemohon dikehendaki melengkapkan Borang 1. Sila rujuk **Lampiran 2** untuk carta aliran permohonan dan pengeluaran lesen Cukai Jualan Negeri serta **Lampiran 3** untuk senarai semak dokumen sokongan permohonan lesen ini.
- (iii) Selepas permohonan pendaftaran diluluskan, e-mel akan dijana bersama-sama dengan nombor lesen Cukai Jualan Negeri dan tarikh kuat kuasa pendaftaran.
- (iv) Ia menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

7. **Pembayaran Cukai Jualan Negeri**

- (i) Carta aliran untuk proses pembayaran cukai adalah seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.
- (ii) Orang yang kena membayar cukai perlu mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan nilai jualan dan kuantiti barang yang dieksport seperti yang diisytiharkan dalam Borang Kastam K2 atau K3. Contoh Borang 4 adalah seperti di **Lampiran 6**.
- (iii) Seterusnya, orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Pembayaran perlu dibuat melalui perbankan elektronik secara terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.
- (iv) Orang yang kena membayar cukai melengkapkan Lampiran A dan memuat naik bukti pembayaran (*bank slip*) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Lampiran A adalah seperti di **Lampiran 7**.

- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> sebagai bukti sementara bahawa pembayaran telah dibuat. Resit rasmi hanya akan dikeluarkan setelah bayaran telah disahkan diterima oleh Kerajaan Negeri.
- (vi) Orang yang kena membayar cukai mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia berserta **RESIT ELEKTRONIK** untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.
- (vii) Pembayaran Cukai Jualan Negeri perlu dibayar setiap kali sebelum besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah.
- (viii) Ia menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

8. Rujukan

- Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998
<https://sagc.sabah.gov.my/?g=en/content/state-sales-tax-enactment-1998>
- Peraturan-peraturan Cukai Jualan Negeri 1999
<https://sagc.sabah.gov.my/?g=en/content/state-sales-tax-enactment-1998>
- Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022
- Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023

9. Pertanyaan

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini sila berhubung dan merujuk:

Bahagian Cukai Jualan Negeri
Kementerian Kewangan Negeri
Aras 5, Blok A,
Menara Kinabalu,
88400 KOTA KINABALU
Tel: 088-368916 (Talian Am) | Faks: 088-216525

Evina Brenda Majimbun: ☎ 088-368068 ✉ EvinaBrenda.Majimbun@sabah.gov.my
DK Normahani Pg. Mohd: ☎ 088-368038 ✉ DKNormahani.PgMohd@sabah.gov.my
Nur Alib bin Hariyono: ☎ 088-368914 ✉ NurAlib.Hariyono@sabah.gov.my

Lampiran 1

BORANG 1

PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI ORANG YANG KENA MEMBAYAR CUKAI

BORANG 1
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN LESEN SEBAGAI ORANG
YANG KENA MEMBAYAR CUKAI
(Peraturan
4(1))

SILA TAIP ATAU GUNAKAN HURUF BESAR SAHAJA

BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERNIAGAAN

1) SYARIKAT/PERNIAGAAN

2) NAMA DAN ALAMAT BERDAFTAR PERNIAGAAN

(Bagi perkongsian, sila isikan juga butiran 10)

3) NO. TELEFON DAN FAKS

TEL.NO:

FAX NO.:

4) TARIKH DAN NO. RUJUKAN SYARIKAT/NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN

TARIKH:
HARI/BULAN/TAHUN

NO. PENDAFTARAN:

5) TARIKH/JANGKAAN TARIKH PERMULAAN PERNIAGAAN

TARIKH
HARI/BULAN/TAHUN

6) TEMPOH PENGAKUAN TAHUNAN SYARIKAT SAYA TAMAT PADA

TARIKH
HARI/BULAN

BAHAGIAN B: BUTIRAN PERNIAGAAN

7) TERANGKAN KEGIATAN PERNIAGAAN UTAMA ANDA DENGAN SEPENUHNYA

8) SENARAI PERKHIDMATAN BERCUKAI

NO.	JENIS BARANG-BARANG YANG KENADIBAYAR CUKAI	KLASIFIKASI/KASTAM HS KOD/TARIF	ANGGARAN PEROLEHAN TAHUNAN (RM)	ANGGARAN PEROLEHAN CUKAI JUALAN NEGERI TAHUNAN (RM)

(Jika ruangan tidak mencukupi, gunakan kertas berasingan)

9) ALAMAT PENUH PERNIAGAAN DI SABAH (UNTUK TUJUAN CUKAI JUALAN NEGERI)

10) BAGI PERNIAGAAN PERKONGSIAN

NO.	NAMA PEKONGSI	ALAMAT PERSENDIRIAN	NO. KAD PENGENALAN/ NO. PASPORT	KEWARGANEGARAAN	TANDATANGAN

11) JIKA PERNIAGAAN DIUSAHAKAN OLEH EJEN ATAU MELALUI CAWANGAN, NYATAKAN NAMA DAN ALAMAT EJEN DAN CAWANGAN

A) NAMA EJEN	ALAMAT
B) NAMA CAWANGAN	ALAMAT

(JIKA RUANGAN YANG DIPERUNTUKKAN ADALAH TIDAK MENCUKUPI, SERTAKAN KERTAS BERASINGAN)

BAHAGIAN C: AKUAN PEMOHON (Selaras dengan Peraturan 4(3), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999)

12) SAYA, MENGAKU BAHAWA MAKLUMAT DINYATAKAN DALAM BORANG INI DAN DOKUMEN SOKONGAN DISERTAKAN ADALAH BENAR DAN LENGKAP.

TARIKH

<input type="text"/>	/	<input type="text"/>	/	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
HARI		BULAN		TAHUN			

_____ TANDATANGAN

13) NAMA PEMOHON

14) NO. KAD PENGENALAN/PASPORT

15) JAWATAN

BAHAGIAN D: UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

TARIKH DAN MASA PENERIMAAN

NOMBOR RUJUKAN

KOMEN:

PERMOHONAN: DILULUSKAN
 TIDAK DILULUSKAN (Tandakan (/) di mana relevan)

TARIKH


<input type="text"/>	/	<input type="text"/>	/	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>
HARI		BULAN		TAHUN			

_____ UNTUK PENGARAH

Lampiran 2

CARTA ALIRAN **PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI**

CARTA ALIRAN PERMOHONAN & PENGELUARAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI



Rujukan: Seksyen 9,10 dan 10A Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998
Peraturan 4 & 5 Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999

Lampiran 3

SENARAI SEMAK

DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN
PERMOHONAN LESEN CUKAI JUALAN NEGERI**







BIL	DOKUMEN	TANDA (√)
1.	Salinan kad pengenalan yang telah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara	
2.	Salinan lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan	
3.	Salinan dokumen pendaftaran (Terkini):-	
	- Sijil pemerbadanan syarikat	
	- Butiran mengenai Pengarah, Pengurus dan Setiausaha syarikat yang terkini.	
	- <i>Memorandum & Articles of Association</i>	
4.	Salinan Kelulusan Kerajaan Negeri (SGA) daripada Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (DIDR)	
5.	Salinan kelulusan pelbagai ejen kastam yang masih sah laku.	

Lampiran 4

CARTA ALIRAN **PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI** **(PENGISYTIHARAN EKSPORT DIBUAT MELALUI** **BORANG **KASTAM K2** LUAR NEGARA)** **BESI BURUK DAN BUANGAN**

**PENGISYTIHARAN EKSPORT DIBUAT MELALUI BORANG KASTAM NO.2 (K2):
BESI BURUK DAN BUANGAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI







Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
	1. Pemeriksaan konsainan dibuat oleh pihak berkuasa.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia & DIDR
	2. Orang yang kena membayar cukai mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan nilai jualan dan kuantiti barang yang dieksport seperti dalam Borang Kastam (K2).	Kementerian Kewangan Negeri
	3. Orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Pembayaran dibuat melalui perbankan elektronik secara terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL	Kementerian Kewangan Negeri
	4. Orang yang kena membayar cukai melengkapkan Lampiran A dan memuat naik bukti pembayaran (<i>bank slip</i>) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/	Kementerian Kewangan Negeri
	5. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.	Kementerian Kewangan Negeri
	6. Orang yang kena membayar cukai mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia berserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	7. Eksport	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Lampiran 5

CARTA ALIRAN **PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI** **(PERAKUAN UNTUK MENGANGKUT BARANG** **DALAM MALAYSIA MELALUI BORANG** **KASTAM K3 DALAM NEGARA)** **BESI BURUK DAN BUANGAN**

PERAKUAN UNTUK MENGANGKUT BARANG DALAM MALAYSIA
BORANG KASTAM NO. 3 (K3) DALAM NEGARA:
BESI BURUK DAN BUANGAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

CARTA ALIRAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI

Aliran Proses	Keterangan	Pihak Berkuasa
	1. Pemeriksaan konsainan dibuat oleh pihak berkuasa.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia & DIDR
	2. Orang yang kena membayar cukai mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ berdasarkan nilai jualan dan kuantiti barang yang dieksport seperti pada Borang Kastam (K3).	Kementerian Kewangan Negeri
	3. Orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Pembayaran dibuat melalui perbankan elektronik secara terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri: Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah Nama Bank: Alliance Bank Berhad No. Akaun: 10196-0-01-002530-1 No. ID: 32RSO00034049 Swift Code: MFBBMYKL	Kementerian Kewangan Negeri
	4. Orang yang kena membayar cukai melengkapkan Lampiran A dan memuat naik bukti pembayaran (<i>bank slip</i>) di https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ .	Kementerian Kewangan Negeri
	5. Resit Elektronik akan dijana melalui portal https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/ sebagai bukti pembayaran telah dibuat.	Kementerian Kewangan Negeri
	6. Orang yang kena membayar cukai mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia berserta RESIT ELEKTRONIK untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
	7. Dibawa keluar dari Sabah	Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Lampiran 6

BORANG 4
PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI

BORANG 4
PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI 1999
PENYATA CUKAI JUALAN NEGERI
(Peraturan-Peraturan 12 & 13)

Kepada: Pengarah Cukai Jualan Negeri, Sabah,
di

PENYATA BAGI TEMPOH KENA BAYAR

1. Nama orang yang kena membayar cukai:
2. No. Lesen cukai jualan Negeri:
3. Alamat:
4. Sifat barangan yang kena dibayar cukai:
5. Jumlah nilai jualan barangan yang kena dibayar cukai yang dijual semasa tempoh kena bayar cukai RM:
6. Kuantiti yang dijual:
7. Amaun cukai jualan Negeri yang kena dibayar adalah RM:

Pengakuan:

Saya, sebagai seorang yang diberikuasa dengan sewajarnya oleh, dengan ini mengaku bahawa penyata ini adalah

(orang yang kena membayar cukai)

benar, betul dan sempurna dalam setiap butiran dan jumlah nilai jualan barangan yang kena dibayar cukai yang dinyatakan di atas telah ditentukan mengikut seksyen 5 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 dan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999.

Tandatangan :

Nama orang yang membuat pengakuan :

No. Kad Pengenalan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Tarikh Penyata diterima :

Pegawai penerima :

Lampiran 7

LAMPIRAN A **PEMAKLUMAN PEMBAYARAN CUKAI JUALAN** **NEGERI MELALUI PERBANKAN SECARA TERUS** **(*DIRECT BANK-IN*) KE DALAM AKAUN** **KERAJAAN NEGERI SABAH**

Tarikh:

Kepada: Pengarah Cukai Jualan
Kementerian Kewangan
88400 KOTA KINABALU

Pemakluman Pembayaran Cukai Jualan Negeri Melalui Perbankan Secara Terus
(Direct Bank-In) Ke Dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah

Perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa sebanyak **RM**.....
telahpun dimasukkan dalam Akaun Kerajaan Negeri pada
(tarikh).....dengan no.rujukan/no.transaksi.....(salinan
slip pembayaran adalah disertakan) untuk menjelaskan cukai jualan atas
(jenis cukai)..... bagi tempoh
.....

Sekian dimaklumkan.

Tandatangan : _____
Nama Pegawai : _____
Nama dan Cop Syarikat : _____
Tarikh : _____

Lampiran 8

SOALAN LAZIM (FAQ)

SOALAN LAZIM (FAQ) CUKAI JUALAN NEGERI KE ATAS BESI BURUK DAN BUANGAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH

1. Apakah barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan Negeri dan berapakah kadar cukai?

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023, besi buruk dan buangan yang dikenakan cukai pada kadar 10% ke atas nilai jualan (seperti yang diisytihar dalam Borang Kastam K2 atau K3) adalah seperti yang berikut:

Bil.	HS Code	Jenis-jenis Besi Buruk
1.	72041	Besi buruk dan buangan termasuk besi lebur semula jenis ferus (<i>ferrous</i>) yang terdiri daripada besi atau besi keluli.
1.1	7204100000	Besi buruk dan buangan jenis besi tuang iaitu periuk besi, kualiti besi dan semua produk besi buangan yang diperbuat daripada besi tuang.
1.2	7204210000	Besi buruk jenis besi keluli.
1.3	7204290000	Jenis-jenis besi buruk dan buangan lain yang tertakluk di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.4	7204300000	Besi buruk dan buangan jenis besi atau besi keluli dalam bentuk tin atau kontena, misalnya tin ikan sardin.
1.5	7204410000	Besi buruk dan buangan jenis besi yang sudah dibengkokkan, besi yang diketam, serpihan, sisa perkilangan, habuk besi, besi tampalan, besi pemangkas & besi setem (<i>metal stamp</i>), sama ada berkelompok atau tidak.
1.6	7204490000	Lain-lain besi buruk dan buangan di bawah takrifan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
1.7	7204500000	Besi buruk dilebur semula menjadi bentuk jongkong besi.

2. Bilakah cukai ini dikenakan?

Cukai ini mula dikenakan pada 1 Februari 2022

3. Siapakah orang yang membayar cukai?

Seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 9 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, orang yang kena membayar cukai adalah mana-mana orang yang menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang-barang yang kena dibayar cukai.

Selain orang yang menjalankan perniagaan menjual dan membekal barang yang kena dibayar cukai, pihak yang menjalankan pengeksporan iaitu syarikat ejen penghantar (*forwarding agent*) juga boleh berdaftar sebagai pemegang lesen Cukai Jualan Negeri.

- 4. Adakah besi buruk dan buangan yang digunakan di Sabah dikenakan cukai?**
Tidak, semua besi buruk dan buangan yang digunakan di dalam negeri Sabah tidak dikenakan Cukai.
- 5. Sekiranya saya masih ingin terus mengeksport besi buruk dan buangan saya keluar dari Sabah, bagaimana saya dapat melakukannya selepas pengenaan Cukai Jualan Negeri dikuatkuasakan?**
Pihak syarikat hendaklah memohon Lesen Cukai Jualan Negeri dan setelah lesen diluluskan, aktiviti pengeksportan dan pemindahan besi buruk dan buangan keluar dari Sabah boleh diteruskan. Untuk proses pengeksportan dan pemindahan barang yang dikenakan cukai selepas penguatkuasaan CJN, sila rujuk **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.
- 6. Apakah tanggungjawab orang yang kena membayar cukai?**
Orang yang kena membayar cukai dikehendaki:
- (i) Berdaftar di bawah Cukai Jualan Negeri
 - (ii) Mempamerkan lesen Cukai Jualan Negeri di tempat yang jelas di tempat perniagaan
 - (iii) Mengeluarkan invoice
 - (iv) Mengenakan Cukai Jualan Negeri ke atas jualan bagi barang-barang yang tertakluk kepada Cukai Jualan Negeri
 - (v) Membayar dan mengemukakan penyata cukai
 - (vi) Menyimpan rekod yang berkaitan (rekod hendaklah disimpan bagi tempoh 6 tahun daripada tarikh akhir pada mana-mana buku akaun, rekod-rekod termasuk nota serahan dan invoice-invoice berkaitan).
 - (vii) Memaklumkan Kementerian Kewangan Negeri Sabah sekiranya:
 - terdapat perubahan ke atas maklumat-maklumat syarikat.
 - syarikat menghentikan perniagaan dalam menjual atau membekalkan barang yang dikenakan Cukai Jualan Negeri.
- 7. Bagaimanakah saya boleh berdaftar di bawah Cukai Jualan Negeri?**
Orang yang kena membayar cukai hendaklah membuat permohonan lesen melalui Borang 1 sebagai orang yang kena membayar cukai kepada Pengarah Cukai Jualan Negeri. Borang boleh diisi melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Borang 1 adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 8. Apakah dokumen sokongan yang diperlukan untuk permohonan lesen Cukai Jualan Negeri?**
Sila rujuk **Lampiran 3**.
- 9. Bagaimana saya tahu saya telah didaftarkan?**
Pemakluman melalui e-mel akan diberikan sekiranya permohonan lesen telah diluluskan.
- 10. Perlukah saya memperbaharui lesen Cukai Jualan Negeri setiap tahun?**
Tidak perlu, lesen ini tidak mempunyai tarikh luput.

11. Bolehkah saya menjalankan perniagaan menjual atau membekalkan barang yang dikenakan Cukai Jualan Negeri tanpa lesen Cukai Jualan Negeri?

Tidak boleh. Selaras dengan Seksyen 10 (1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, tiada seseorang boleh menjalankan mana-mana perniagaan melainkan jika dia memiliki lesen Cukai Jualan Negeri.

Ia menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal berdaftar dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

12. Apakah prosedur mengemukakan penyata cukai jualan dan bilakah cukai perlu dibayar?

- (i) Carta aliran untuk proses pembayaran cukai adalah seperti di **Lampiran 4** dan **Lampiran 5**.
- (ii) Orang yang kena membayar cukai perlu mengemukakan taksiran cukai jualan dengan melengkapkan Borang 4 melalui portal Cukai Jualan Negeri di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> berdasarkan nilai jualan dan kuantiti barang yang dieksport seperti yang diisytihar dalam Borang Kastam K2 atau K3. Contoh Borang 4 adalah seperti di **Lampiran 6**.
- (iii) Seterusnya, orang yang kena membayar cukai membuat bayaran seperti amaun taksiran. Pembayaran perlu dibuat melalui perbankan elektronik secara terus ke dalam Akaun Kerajaan Negeri.
- (iv) Orang yang kena membayar cukai melengkapkan Lampiran A dan memuat naik bukti pembayaran (*bank slip*) di <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/>. Contoh Lampiran A adalah seperti di **Lampiran 7**.
- (v) Resit Elektronik akan dijana melalui portal <https://CukaiJualanNegeri.sabah.gov.my/> sebagai bukti sementara bahawa pembayaran telah dibuat. Resit rasmi hanya akan dikeluarkan setelah bayaran telah disahkan diterima oleh Kerajaan Negeri.
- (vi) Orang yang kena membayar cukai mengemukakan dokumen yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia berserta **RESIT ELEKTRONIK** untuk dibuktikan kepada pegawai Kastam.
- (vii) Pembayaran Cukai Jualan Negeri perlu dibayar setiap kali sebelum besi buruk dan buangan dibawa keluar dari Sabah.
- (viii) Ia menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14(7) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya mana-mana orang yang kena membayar cukai gagal mengemukakan penyata atau gagal membayar amaun cukai, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

13. Bilakah pengisytiharan dan pemakluman pembayaran cukai jualan perlu dilakukan?

Orang yang kena membayar cukai hendaklah membuat pengisytiharan dan pembayaran Cukai Jualan Negeri bagi setiap tempoh bercukai melalui sistem eCJN (<https://cukaijualannegeri.sabah.gov.my/>). Pihak syarikat perlu mengemukakan bayaran CJN sebelum pengeksportan atau pemindahan besi buruk dan buangan dilakukan. Kegagalan mematuhi perkara ini boleh mengakibatkan pihak syarikat dikenakan penalti ke atas amaun CJN yang tidak dibayar atau lewat dibayar.

Panduan pengisytiharan bagi syarikat-syarikat besi buruk dan buangan adalah seperti yang berikut:

Situasi	Kekerapan Pengisytiharan
Syarikat yang ada melakukan eksport atau pemindahan besi buruk dan buangan keluar dari Sabah	Setiap kali melakukan eksport/pemindahan keluar Sabah yang mana perlu diisytihar dan dibayar sebelum pengeksportan/pemindahan dilakukan
Syarikat yang tidak melakukan sebarang eksport atau pemindahan besi buruk dan buangan keluar dari Sabah (Tiada Penjualan)	Pada atau sebelum 28 haribulan setiap bulan. Sebagai contoh, sekiranya bagi bulan April, pihak syarikat tidak mempunyai penjualan, maka pengisytiharan perlu dibuat selewat-lewatnya pada 28 April.

14. Apakah perbezaan Borang K2 dan Borang K3 daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia?

Borang Kastam K2 digunakan untuk urusan pengeksportan barang daripada Malaysia dan Borang Kastam K3 pula digunakan untuk pengangkutan barang antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan pengangkutan dalam wilayah yang sama melalui mod laut atau mod udara.

15. Apakah kaedah pembayaran cukai jualan?

Cukai jualan hendaklah dibayar secara perbankan eletronik ke dalam Akaun Kerajaan Negeri Sabah iaitu:

Nama Akaun: Bendahari Negeri Sabah

Nama Bank : Alliance Bank Berhad

No. Akaun : 10196-0-01-002530-1

No. ID : 32RSO00034049

Swift Code : MFBBMYKL

16. Adakah penalti dikenakan ke atas pembayaran lewat?

Selaras dengan Seksyen 4, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, sekiranya orang yang kena membayar cukai gagal membuat bayaran dalam tempoh yang dikehendaki, penalti sebanyak 10 peratus akan dikenakan. Kenaikan 10 peratus akan dikenakan bagi setiap tempoh 30 hari yang berikut sehingga penalti maksimum sebanyak 50 peratus.

17. **Sekiranya invoice dikeluarkan dalam mata wang asing, apakah kadar pertukaran mata wang asing yang dirujuk dalam mengemukakan penyata cukai jualan?**

Kadar pertukaran Bank Negara Malaysia semasa penjualan dibuat.

Warta Kerajaan Negeri Sabah

**BERKAITAN CUKAI JUALAN NEGERI
KE ATAS BESI BURUK DAN BUANGAN
YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH**



SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXVII] KOTA KINABALU, KHAMIS, 27 JANUARI 2022

[No. S 1

No. S 1

[No. JPBN(S):600-1/57/16/3

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998
(No. 12 tahun 1998)

PERINTAH CUKAI JUALAN NEGERI (KADAR CUKAI) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 6 (1) Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 [*No. 12 tahun 1998*], Menteri dengan ini membuat perintah yang berikut:

Tajuk dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2022.

Kadar cukai jualan Negeri ke atas barang-barang yang kena dibayar cukai

2. Cukai jualan Negeri hendaklah dilevi ke atas barang-barang yang kena dibayar cukai yang ditetapkan dalam ruangan (1) Jadual pada kadar yang dinyatakan bertentangan dengannya dalam ruangan (2).

JADUAL

<i>(1)</i> <i>Barang-barang yang kena dibayar cukai</i>	<i>(2)</i> <i>Kadar cukai</i>
Besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah	RM 200 se tan metrik

Dibuat pada 24 Januari 2022.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Menteri Kewangan.

[No. JPBN(S):600-1/57/16/3

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998
(No.12 of 1998)

STATE SALES TAX (RATE OF TAX) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred upon him by subsection 6 (1) of the State Sales Tax Enactment 1998 [*No. 12 of 1998*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the State Sales Tax (Rate of Tax) Order 2022.
- (2) This Order comes into operation on 1 February 2022.

Rate of State sales tax on taxable goods

2. State sales tax shall be levied on the sale of the taxable goods specified in column (1) of the Schedule at the rate stipulated opposite thereto in column (2).

SCHEDULE

(1) <i>Taxable goods</i>	(2) <i>Rate of tax</i>
Scrap iron and waste taken out of Sabah	RM 200 per metric tonne

Made this 24 January 2022.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJJI BIN HAJI NOOR,
Minister of Finance

No. S 2

[No. JPBN(S):600-1/57/16/3

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998
(No. 12 tahun 1998)

PERATURAN-PERATURAN CUKAI JUALAN NEGERI (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 61 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 [*No.12 tahun 1998*], Menteri dengan ini membuat peraturan peraturan berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri (Pindaan) 2022.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Februari 2022.

Pindaan Jadual Kedua

2. Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Cukai Jualan Negeri 1999 [*G.N.S 4/99*] dipinda dengan memasukkan selepas butiran (7) yang berikut:

“(8) Besi buruk dan buangan yang dibawa keluar dari Sabah”.

Dibuat pada 24 Januari 2022.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Menteri Kewangan.

[No. JPBN(S):600-1/57/16/3

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998
(No.12 of 1998)

STATE SALES TAX (AMENDMENT) REGULATIONS 2022

IN exercise of the powers conferred by section 61 of the State Sales Tax Enactment 1998 [*No. 12 of 1998*], the Minister hereby makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) This regulation may be cited as the State Sales Tax (Amendments) Regulations 2022.
- (2) These Regulations comes into operation on 1 February 2022.

Amendments of Second Schedule


2. The Second Schedule to the State Sales Tax Regulations 1999 [*G.N.S. 4/1999*] is amended by inserting after item (7) the following:

“(8) Scrap iron and waste taken out of Sabah”.

Made this 24 January 2022.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJI BIN HAJI NOOR,
Minister of Finance





SABAH, MALAYSIA

Warta Kerajaan

Tambahan Kedua

Diterbitkan dengan kuasa

JIL. LXXVIII]

KOTA KINABALU, KHAMIS, 25 MEI 2023

[No. S 4

No. S 5

[No. JPBN(S) 600-1/5716 klt. 10]

ENAKMEN CUKAI JUALAN NEGERI 1998

PERINTAH CUKAI JUALAN NEGERI (KADAR CUKAI) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 6 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 [*No. 12 tahun 1998*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) (Pindaan) 2023.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2023.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2022

[*G.N.S. 1 tahun 2022*] dipinda dalam ruang (2) dengan menggantikan perkataan “RM 200 se tan metrik” dengan perkataan “10%”.

Dibuat 22 Mei 2023.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI BIN MANJUN,
Menteri Kewangan.

[No. JPBN(S) 600-1/5716 klt. 10]

STATE SALES TAX ENACTMENT 1998

STATE SALES TAX (RATE OF TAX) (AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 6 of the State Sales Tax Enactment 1998 [*No. 12 of 1998*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the State Sales Tax (Rate of Tax) (Amendment) Order 2023.

(2) This Order comes into operation on 1 June 2023.

Amendment of Schedule

2. The Schedule to the State Sales Tax (Rate of Tax) Order 2022 [*G.N.S. 1 of 2022*] is amended in column (2) by substituting for the words “RM 200 per metric tonne” the words “10%”.

Made 22 May 2023.

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MASIDI BIN MANJUN,
Minister of Finance.



P.K. 0002 (L) - 2023

DICETAK OLEH PENCETAK KERAJAAN,
LIEW CHERN WEI, B.S.K., JABATAN CETAK KERAJAAN,
SABAH, MALAYSIA.
2023.

PENAFIAN

Panduan ini bertujuan untuk memberi pemahaman umum tentang Cukai Jualan Negeri ke atas Besi Buruk dan Buangan yang Dibawa Keluar dari Sabah dan kewajipan orang yang dikenakan cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi secara komprehensif semua isu cukai yang mungkin timbul. Namun, Kementerian Kewangan Negeri Sabah telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung dalam panduan ini adalah betul. Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau sebarang kerugian kewangan atau lain-lain yang ditanggung oleh individu yang menggunakan maklumat daripada panduan ini. Panduan ini tertakluk kepada perubahan, apabila perlu.